

LANGKAH LEBIH KETAT BENDUNG PENULARAN COVID-19

Sejak pemerintah mengumumkan langkah pemutus rantaian jangkitan pada 3 April lalu, pelbagai langkah tambahan telah diperkenal untuk mengekang penularan Covid-19. Berita Harian meninjau antara langkah tersebut.

3 April

Langkah pemutus rantaian jangkitan diumumkan (berkuat kuasa 7 April hingga 4 Mei)

• TEMPAT KERJA DITUTUP

Kebanyakan tempat kerja diumumkan ditutup mulai 7 April kecuali khidmat penting (termasuk kedai makan, pasar, pasar raya, klinik, hospital, khidmat api air, pengangkutan dan khidmat perbankan yang utama)

• SEKOLAH DITUTUP

Sekolah diumumkan ditutup mulai 8 April, Pembelajaran di Rumah Sepenuh Masa (HBL) bagi sekolah dan Institut Pengajian Tinggi

• DUDUK RUMAH

Semua orang harus duduk di rumah seberapa boleh, keluar rumah hanya bagi urusan penting



• KEDAI MAKAN

Kedai makan terus dibuka tapi makanan hanya untuk dibawa pulang atau dihantar

• PELITUP

Pemerintah umum semua penduduk akan diberi pelitup guna semula

6 April

Bantuan tambahan

• Pemerintah umum bantuan tambahan bernilai \$5.1 bilion untuk atasi kesan pandemik Covid-19

– Antara lain, semua warga Singapura 21 tahun dan ke atas akan terima bayaran \$600 tunai sekali sahaja bulan ini

• Pemerintah umum gantung operasi Terminal 2 Lapangan Terbang Changi selama 18 bulan mulai 1 Mei

• Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) gantung Latihan Asas Ketenteraan (BMT) dari 7 April hingga 4 Mei



7 April

Hari pertama langkah pemutus rantaian jangkitan



• PERHIMPUNAN SOSIAL TIDAK DIBENARKAN

Semua perhimpunan sosial, tidak kira jumlah orang yang hadir, tidak dibenarkan (termasuk pesta privat dan keramaian bersama teman dan keluarga yang tidak tinggal bersama, di rumah atau di tempat awam seperti taman dan kolong blok)

• PENALTI BAGI PESALAH

Penalti bagi mereka yang laku kesalahan di bawah Akta Covid-19 (Langkah-Langkah Sementara):

Kesalahan pertama:

Denda sehingga **\$10,000** dan/atau **penjara sehingga 6 bulan**

Kesalahan kedua dan berikut:

Denda sehingga **\$20,000** dan/atau **penjara sehingga 12 bulan**

9 April

Hari pertama langkah pemutus rantaian jangkitan

• Semua orang yang pulang ke Singapura mulai 11.59 malam 9 April perlu jalani perintah Notis Jangan Keluar Rumah (SHN) 14 hari di tempat khusus dan bukan di rumah mereka

• Ibu bapa tidak dibenarkan hantar anak mereka ke rumah datuk dan nenek setiap hari kecuali dalam kes tertentu

• Pemerintah umum penalti bagi mereka yang tidak patuh langkah jarak

Kesalahan pertama:

Amaran keras


Kesalahan kedua

Denda **\$300**

Kesalahan ketiga

Didakwa di mahkamah

10 April



• Semua stadium sukan ditutup, ekoran masih ramai didapati bersenam secara berkumpulan di stadium

11 April

• Menteri Pengangkutan, Encik Khaw Boon Wan, berkata orang ramai akan perlu terus pakai pelitup semasa naik pengangkutan awam meskipun selepas tempoh pemutus rantaian jangkitan berakhir



12 April



• Orang ramai tidak dibenarkan masuk ke 39 pasar yang diurus Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) atau pengendali yang dilantik NEA kalau tidak pakai pelitup mulai 12 April

• Tidak dibenarkan masuk ke pasar raya, farmasi dan pusat beli-belah juga kalau tidak pakai pelitup mulai 12 April

• Penalti lebih berat bagi mereka yang tidak patuh langkah jarak selamat mulai 12 April:

Kesalahan pertama:

Denda **\$300**

Kesalahan kedua dan berikut:

Denda lebih tinggi atau **didakwa di mahkamah**

13 April

• Semua pekerja yang terlibat jual serta siapkan makanan dan minuman di semua kedai makan mesti gunakan pelitup atau pelindung muka lain mulai 13 April

14 April

• Pemerintah umum semua orang harus pakai pelitup apabila keluar rumah, kecuali budak bawah dua tahun dan mereka yang lakukan senaman berat seperti berlari-lari anak atau berlari (harus pakai pelitup semula selepas bersenam)



16 April

• Penalti bagi mereka yang tidak pakai pelitup di tempat awam mulai 16 April:

Kesalahan pertama: Denda **\$300**

Kesalahan kedua dan berikut:

Denda **\$1,000**

Pesalah juga boleh didakwa di mahkamah